

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

KEPENTINGAN PENGANGKUTAN LAUT: PENGHUBUNG DAGANGAN NEGARA KE PERINGKAT GLOBAL

Haji Mohammad Salihin Bin Haji Aspar
Pemangku Pengarah Laut
Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan

1. Pendahuluan

Pembuatan atau pembinaan kapal telah wujud sejak sekian lama iaitu bermula daripada perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Nabi Nuh *'alaihissalam* untuk membina sebuah bahtera sebagai persiapan menghadapi taufan dan banjir besar. Ini terkandung di dalam firmanNya dalam al-Qur'an surah al-Mu'minin ayat 26-27 yang tafsirnya:

Nabi Nuh berdoa: "Ya Tuhanku! Tolonglah aku kerana mereka mendustakan aku." Maka Kami mewahyukan kepadanya: "Buatlah bahtera dengan pengawasan dan (dengan panduan) wahyu Kami (tentang cara membuatnya) kemudian apabila datang perintah Kami (untuk membinasakan mereka) dan air membuak-buak di dalam Tannur (yang menandakan kedatangan taufan) maka masuklah ke dalam bahtera itu setiap jenis haiwan berpasangan (jantan dan betina) dan ahli keluargamu melainkan orang yang telah ditetapkan hukuman azab kepadanya antara mereka (disebabkan kekufuran mereka), dan janganlah engkau merayu kepadaKu (untuk menolak azab) terhadap orang-orang yang zalim itu kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dibinasakan dengan taufan)."

Teknologi pembinaan kapal pada zaman Nabi Nuh *'alaihissalam* amatlah mengagumkan dan itu merupakan kapal besar pertama yang pernah dibina. Kapal tersebut juga direka agar tahan terhadap ombak yang kuat dan mampu menanggung bebanan yang berat. Secara umumnya Nabi Nuh *'alaihissalam* adalah seorang pakar dalam ilmu fizik dan matematik yang mempunyai pemikiran yang tinggi, juga mahir ataupun cekap dalam pelayaran atau boleh dianggap sebagai

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

nakhoda atau laksamana yang hebat. Apa yang paling penting, sejarah ini adalah merupakan pencetus idea kepada manusia pada zaman ini terutama dalam bidang pembinaan perkapalan.

2. Perkembangan Industri Perkapalan.

Pengangkutan laut adalah merupakan salah satu jalur perkhidmatan yang melibatkan pemindahan barangan atau penumpang melalui sungai-sungai, persisiran pantai atau merentasi lautan dari satu tempat ke satu destinasi yang lain. Proses pengangkutan melalui laut ini menggunakan pelbagai jenis kapal antaranya kapal kontena, kapal kargo, kapal tangki dan kapal penumpang yang digunakan bagi pengangkutan diperingkat antarabangsa atau sebatas di dalam negeri.

Dari sumber "*International Chamber of Shipping*", terdapat lebih dari 50,000 kapal dagang belayar di peringkat antarabangsa, mengangkut berbagai jenis kargo dan didaftarkan di lebih 150 negara. Asas kepada permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan bersandar kepada bekalan kargo yang diangkutnya dan sebarang perkembangan dagangan dan ekonomi tentunya mempengaruhi aktiviti perkapalan.

Tidak dinafikan lagi, proses pemindahan barangan atau penumpang melalui pengangkutan laut lebih menjadi pilihan dibandingkan dengan pengangkutan moden yang lainnya disebabkan oleh beberapa faktor antaranya dari segi komoditi, kos penyelenggaraan dan juga faktor masa. Sebagai contoh, sebuah kapal kontena sekarang boleh memuatkan sehingga 21,000 kontainer dalam sekali pelayaran sekaligus menjimatkan masa pemindahan. Perkembangan ini secara tidak langsung turut mempengaruhi pembangunan prasarana pelabuhan, sekaligus memperlihatkan kredibiliti pengangkutan laut dibandingkan medium pengangkutan yang lain. Pengangkutan laut juga sering menjadi pilihan kerana ianya dianggap lebih selamat dibandingkan dengan jenis pengangkutan yang lain kerana rendahnya kadar kemalangan melibatkan pengangkutan laut dan juga kerana tiada kesesakan lalu lintas di kawasan perairan yang boleh melambatkan proses perjalanan kapal.

Kos pengangkutan laut yang lebih rendah dibandingkan dengan pengangkutan yang lain juga menjadi sebab kenapa pengangkutan laut semakin berkembang. Ditambah pula dengan penerapan

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

teknologi di dalam sistem perkapalan bagi menggantikan penyeliaan kapal secara manual melalui penggunaan tenaga manusia telah menjadi pemudahcara operasi pengangkutan laut. Lebih-lebih lagi di era globalisasi dan permodenan teknologi pada masa kini yang menjadikan operasi pengangkutan laut lebih efisien, terjamin dan teratur. Sebagai contoh penggunaan RADAR atau Automatic Identification System (AIS) bagi memantau pergerakan kapal dan keadaan disekitarnya. Seiring masa dan arus permodenan, struktur perkapalan yang digunakan pada masa kini lebih mampan dan berkemampuan untuk menempuh perjalanan yang lebih jauh dibandingkan dengan struktur perkapalan tradisional disamping berusaha untuk mengekalkan imej hijau dan mesra alam.

3. Kepentingan Pengangkutan Laut

Aktiviti perkapalan terutama sekali kapal-kapal dagang adalah merupakan komponen penting didalam sektor maritim dalam memudahcarakan perdagangan global. Dalam pada itu, industri perkapalan juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti ekonomi, politik, dagangan dan sokongan pembangunan infrastruktur seperti pelabuhan dan logistik. Dengan adanya kapal-kapal dagang ianya membolehkan pelbagai jenis produk barangan dan bahan-bahan mentah diangkut dalam kuantiti yang banyak merentasi lautan luas pada jarak yang jauh dengan harga yang berpatutan.

Perubahan pada struktur dan teknologi yang digunakan dalam pengangkutan laut sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan dan pertumbuhan pengangkutan laut. Perubahan pada jenis kapal yang digunakan sesuai dengan perkembangan semasa penggunaannya menjadikan sistem pengangkutan laut kini sebagai salah satu alternatif perhubungan yang mempunyai nilai penghasilan yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara. Fungsi pengangkutan laut di dalam proses pengangkutan dan pemindahan barangan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain menjadikan peranannya di dalam hal ehwal perdagangan antarabangsa sesuatu yang signifikan. Ini sekaligus menjadikan pengangkutan laut sebagai lubuk yang berpotensi tinggi dalam meningkatkan sumber ekonomi Negara.

Kepentingan pengangkutan laut di dalam kegiatan perdagangan antarabangsa turut dizahirkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa melalui tema sambutan hari maritim sedunia pada tahun 2016 ini, iaitu "*Shipping: Indispensible to the World*". Pengangkutan laut yang dimetaforakan

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

melalui dunia perkapalan di dalam tema ini mencerminkan akan kepentingan pengangkutan laut ini sebagai salah satu tunjang dalam dunia perdagangan dan pasaran dunia pada masa kini. Mengambil kira senario kehidupan dunia pada masa kini yang banyak bergantung kepada pengangkutan laut dalam mengangkut bekalan barangan, memperluaskan saluran pasaran malahan memudahkan pergerakan tenaga buruh menjadikan ianya tumpuan masa depan Negara bagi hubungan dagang di peringkat global.

Melihat kepada nilai kepentingan pengangkutan laut ini dimata dunia maka adalah menjadi satu kepentingan bagi sesebuah Negara dalam memastikan bahawa setiap jenis pengangkutan laut yang digunakan bukan saja mematuhi piawaian antarabangsa, tapi juga selamat dan mempunyai daya tahan yang selayaknya dalam memastikan perjalanan atau pelayaran yang sempurna. Oleh kerana itu, Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Laut sebagai salah sebuah negara ahli kepada Pertubuhan Maritim Antarabangsa atau *International Maritime Organization (IMO)* akan memastikan bahawa keselamatan dan kesejahteraan industry perkapalan akan sentiasa terjamin dan mengikut kehendak piawaian antarabangsa bagi membolehkan kapal kapal pendaftaran Negara Brunei Darussalam singgah di pelabuhan-pelabuhan antarabangsa. Jabatan Laut memegang peranan untuk memastikan bahawa segala piawaian ini dipatuhi sekaligus menjadikan ianya sebagai pentadbir maritim yang efisien dan dihormati dalam menjaga dan menjamin keselamatan dan sekuriti maritim di Negara. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh Jabatan Laut dalam memastikan keselamatan maritim Negara ini terjaga, antaranya melalui notis-notis pemberitahuan akan kegiatan yang dilakukan di perairan Negara dan publisiti atau jerayawara dalam meningkatkan komponen keselamatan dalam hal ehwal maritim.

Inisiatif dan peranan Jabatan Laut dalam memastikan keselamatan perairan Negara ini secara tidak langsung menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu titik destinasi yang sesuai di dalam dunia perdagangan. Ini boleh dilihat melalui kemasukan kapal-kapal luar, samaada yang berlabuh sementara atau kapal-kapal yang membawa barangan import melalui pelabuhan-pelabuhan di Negara Brunei Darussalam. Preferensi Negara Brunei Darussalam dalam rangkaian penghantaran serantau dan antarabangsa mencerminkan kemampuan Negara dalam menyediakan kemudahan yang diperlukan. Ini menggambarkan kesiapan Negara dari segi logistik dan peraturan persekitaran pengangkutan laut dalam memicu akses pasaran global.

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

Bukan saja melalui piawaian atau undang-undang dan kemudahan-kemudahan berhubung dengan pengangkutan laut yang boleh menjurus kepada peningkatan perdagangan Negara, tetapi melalui inisiatif-inisiatif Kerajaan Negara Brunei Darussalam samaada diperingkat nasional atau serantau turut sama menyumbang kepada hasil perdagangan Negara, contohnya melalui “*ASEAN Single Shipping Market*” yang bertujuan untuk menawarkan kebebasan dalam aliran perkhidmatan perkapalan intra-ASEAN dan juga bertujuan untuk mengurangkan sekatan-sekatan perkapalan diantara Negara-Negara ASEAN. Ini boleh meningkatkan lagi jumlah perdagangan maritim Negara Brunei Darussalam dan juga menarik lebih banyak pelaburan asing ke Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya inisiatif dan kerjasama diantara Negara-Negara ASEAN ini boleh membantu mengembang-pesatkan lagi pertumbuhan perdagangan Negara melalui jalur pengangkutan maritim. Pengurangan sekatan-sekatan perkapalan, contohnya dari segi kriteria dan parameter kapal-kapal bukan konvensional serantau ini boleh menjadikan Negara-Negara dirantau ini sebagai hub transit kapal yang selesa, termasuk Negara Brunei Darussalam. Ini boleh menarik lebih ramai lagi kemasukan kapal-kapal sekaligus menyokong kepada pertumbuhan industri pengangkutan laut menjadi lebih dinamik dan berkembang dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang progresif dan mampan.

4. Kesimpulan

Dalam menjadikan industri pengangkutan laut agar lebih efisien, mesra alam dan lebih bersedia bagi keperluan masa akan datang, terutamanya dalam menyokong peranannya selaku penghubung dagang Negara ke peringkat global, Jabatan Laut akan sentiasa meneliti dan meminda piawian dan peraturan-peraturan baru sesuai dengan perkembangan semasa untuk menjadikan industri pengangkutan laut lebih baik. Ini bukan saja bagi menjamin keselamatan maritim Negara tapi secara tidak langsung inisiatif ini juga boleh menyumbang kepada pembangunan industri pengangkutan laut untuk menjadi pilihan yang ideal selaku destinasi perkapalan dan pelaburan global.

Disamping itu, Kementerian Perhubungan juga mempunyai peranan yang penting dalam memastikan Negara Brunei Darussalam boleh menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dalam merealisasikan matlamat negara kearah kepelbagaian sumber industri dari industri minyak dan gas

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

dan menempatkan Negara sebagai kuasa yang berdaya saing dalam ekonomi global. Strategi ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek seperti berikut:

1. Pengurusan yang berfokuskan kepada pelanggan;
2. Meningkatkan dan mengemaskinikan undang-undang dan peraturan
3. Mencapai keberkesanan dan penjimatan dalam pengurusan
4. Meningkatkan infrastruktur
5. Meningkatkan tahap keselamatan, kesejahteraan dan mesra alam.

Pada kesimpulannya, perkembangan industri perkapalan adalah berasaskan kepada permintaan terhadap barangan untuk diangkut dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Oleh itu, amat lah penting bagi ekonomi sesebuah negara itu untuk terus berkembang dan meningkatkan lagi produk barangan eksport demi untuk menjadikan sektor perkapalan terus mempunyai potensi untuk maju.

Rujukan:

Dr Minghua Zhao (2016) Global Maritime Weekly Digest, Editor: Richard Scott.

Industri maritim pacu ekonomi negara: Nazery Khalid.

International Chamber of Shipping, Shipping and world trade <http://www.ics-shipping.org/shipping-facts/shipping-and-world-trade>

Institut Maritim Malaysia: Cabaran Industri Perkapalan: Nazery Khalid.

Martin Stopford, (2000) Maritime Economics, London, Routledge.

Menyingkap Rahsia Bahtera Nabi Nuh; <http://munawwarah.blogdrive.com/archive/491.html>

Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, Cetakan Pertama (2014), Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Strategic Plan 2008-2017, (2008) Ministry of Communications.

Trade and Development Board, Fifth session, Recent developments and trends in international maritime transport affecting trade of developing countries, (2013) Geneva.

SIMPOSIUM MAJLIS ILMU 2016

United Nations Conference on Trade and Development, Review of Maritime Transport, (2015),
Developments in International Seaborne Trade.